

Publication	Berita Harian	Section/Page No.	Ekonomi/Pg.30
Date	Saturday, 9 <sup>th</sup> October 2010	Lead Article	Yes
Headline	Skim Penggredan Bengkel Diperkenal Tahun Depan		

# Skim penggredan bengkel diperkenal tahun depan

Bagi bolehkan pengguna tahu kos sebenar pembaikan kenderaan

Oleh Shahrizan Saliان  
shahrizan@bharian.com.my

**P**ERSEKUTUAN Persatuan Pemilik Bengkel Kereta Malaysia (FAWOAM) akan memperkenalkan skim penggredan bengkel bermula tahun depan untuk membolehkan orang awam mendapat maklumat sebenar mengenai kos pembaikan kenderaan mengikut penarafan bengkel, sekali gus memudahkan tuntutan insurans.

Pengenalan sistem itu hasil perbincangan antara persekutuan itu dengan Bank Negara Malaysia dan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) awal bulan lalu susulan kritikan umum mengenai kos pembaikan kenderaan dan nilai tuntutan insurans.

Pengerusi FAWOAM, Kong Wai Kwong, berkata sistem

baru itu akan menyaksikan 2,700 ahli persekutuan itu diklasifikasikan di bawah tiga penarafan iaitu Perak, Emas dan Platinum bermula 2011.

Susulan itu, katanya, kadar kos pembaikan kenderaan akan ditetapkan mengikut penarafan masing-masing dengan bengkel yang memperoleh taraf platinum akan diiktiraf oleh semua syarikat insurans.

Sementara itu, beliau berkata proses tuntutan bagi

bengkel dengan penarafan emas dan perak pula hanya boleh dikendalikan panel bagi syarikat insurans tertentu.

“Matlamat utama pengenalan skim ini, secara umumnya adalah untuk membangunkan industri ini. Kami percaya penilaian dan tadbir urus yang lebih berkesan dapat memajukan bengkel dan industri secara keseluruhan,” katanya pada sidang media selepas menyampaikan taklimat skim penggredan bengkel kepada ahli FAWOAM di Kuala Lumpur, semalam.

Wai Kwong berkata, maklumat mengenai bengkel, kos buruh dan harga alat ganti sebenar akan dimuatkan di dalam laman web persekutuan itu bagi membolehkan orang ramai mengetahui kos sebenar yang akan dikenakan jika mereka menghantar

kenderaan masing-masing untuk dibaiki.

Setiap gred bengkel, katanya, akan mempunyai struktur harga dan keperluan sendiri yang akan dijadikan panduan syarikat insurans, penilai kerugian dan pengurus tuntutan ketika mengendalikan nilai tuntutan akhir pembaikan kenderaan.

“Kriteria penilaian akan diperincikan mengikut keupayaan bengkel, peralatan dimiliki, kemahiran pekerja dan kaedah pembaikan.

“Ia akan digunakan di seluruh industri dan menjadi standard untuk semua bengkel di Malaysia,” katanya.

Beliau menambah, FAWOAM menjangkakan tiga peratus bengkel di Malaysia akan memperoleh penarafan Platinum sebelum akhir 2011 sebelum ia ditingkatkan kepada 12 peratus menjelang 2013.

## FAKTA NOMBOR

**2,700**

**ahli**

Persekutuan itu diklasifikasikan di bawah tiga penarafan iaitu Perak, Emas dan Platinum bermula 2011